



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 10 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROJEK TANAMAN NANAS KELOMPOK BANTU TAMBAH HASIL PENGELUARAN, NASIONAL, BH -7	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2.	PEKEBUN RUGI TANAMAN TEMBIKAI DISERANG KUTU TRIP, SETIU, SH -27	LAIN-LAIN
3.	GABUNG TIGA NEGERI JADI JELAPANG PADI SELATAN, MELAKA HARI INI -ONLINE	
4.	MELAKA TERIMA RM43.5 JUTA BINA INFRASTRUKTUR PENGAIRAN DAN SALIRAN, THE SUN -ONLINE	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

10/7/2024

BERITA
HARIAN

NASIONAL

7

Projek tanaman nanas kelompok bantu tambah hasil pengeluaran

Lebih sejuta pokok MD2 ditanam, dijangka dituai Februari depan

Oleh Izz Lailly Hussein
bhnews@bh.com.my

Pontian: Projek tanaman nanas berkelompok di Kampung Parit Jerman di sini, diyakini dapat membantu menambahkan keluasan tanaman nanas negara, sekali gus menambahkan hasil pengeluaran buah berkenaan.

Setakat ini, lebih sejuta pokok nanas MD2 berjaya ditanam di atas tanah seluas 23.47 hektar menerusi projek berkenaan bagi tanaman pusingan pertama yang dibuat sejak Januari lalu.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Sheikh Umar Bagharib Ali, berkata buah nanas yang sudah ditanam itu dijangka dituai pada Februari tahun depan dengan anggaran hasil antara 10,000 hingga 20,000 biji sebulan, sekali gus boleh mencecah jualan kira-kira RM150,000.

"Difahamkan, sudah ada 40.46 hektar bagi persediaan untuk penanaman nanas di sini



Sheikh Umar Bagharib (lima dari kanan) bersama peserta program pada majlis perasmian Pusat Pengumpulan Hasil Ladang dan Benih Nenas, Projek Tanaman Nanas Berkelompok di Kampung Parit Jerman, Pontian.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

dan sudah pun bertanam sebanyak 23.47 hektar bagi penanaman kali pertama.

"Saya juga yakin sebelum pertengahan tahun depan, keperluan kawasan ini akan penuh dengan tanaman nanas, malah sekarang pun dalam konteks penanaman, ia sudah mencapai sasaran lebih sejuta buah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pusat Pengumpulan

Hasil Ladang dan Benih Nenas, Projek Tanaman Nanas Berkelompok di Kampung Parit Jerman di sini.

Yang turut hadir, Pengarah LPNM Johor, Ahmad Fitri Shah Mohd Yusoff dan Penaung Projek Tanaman Nanas Berkelompok Kampung Parit Jerman, Mohd Umar Bagharib berkata,

Projek tanaman nanas berkelompok itu adalah inisiatif bagi me-

ngembangkan industri penanaman nanas secara berkelompok dengan membabitkan peserta berusia bawah 40 tahun.

Lebih sistematik, efektif

Katanya, bagi menyokong projek tanaman nanas berkelompok itu, Pusat Pengumpulan Hasil Ladang dan Benih Nanas itu dibangunkan dengan kos RM60,000.

"Kampung Parit Jerman ini ada sejarah yang panjang de-

ngan nanas, tetapi apabila nanas ni berkembang di Johor, ada beberapa lokasi mengalami penurunan dari segi penanaman nanas termasuk kampung ini.

"Jadi, saya teruja dengan adanya projek ini menunjukkan satu perkembangan positif untuk mengangkat semula Kampung Parit Jerman dan sekitarnya sebagai satu tempat penanaman nanas yang besar dan mendapat tarikan seluruh tanah air ini.

"Pusat ini akan berfungsi sebagai tempat pengumpulan, pengedaran, pembungkusan dan pengagihan hasil nanas.

"Ia diharap dapat memastikan pengurusan hasil nanas lebih sistematik dan efektif. Dengan adanya pusat pengumpulan ini juga, industri nanas negara akan berkembang dan memberi manfaat kepada ekonomi tempatan," katanya.

Sementara itu, Mohammad Anal berkata, seramai lapan anak muda menyertai projek tanaman nanas berkelompok berkenaan dengan fokus kepada tatananan nanas MD2 yang dilihat berpotensi besar.

Katanya, bantuan benih nanas dan khidmat nasihat diberikan LPNM amat bermanfaat kepada projek yang akan merancakkan ekonomi penduduk setempat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2024	SINAR HARIAN	SETIU	27

Pekebun rugi tanaman tembikai diserang kutu trip

SETIU - Beberapa pekebun yang mengusahakan tanaman tembikai di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Rhu Tapai di sini berdepan kerugian apabila kebun yang diusahakan diancam serangan kutu trip.

Nik Muhamad Saifullah Nik Ismail, 31, berkata, serangan serangga perosak itu telah dikesan sejak peringkat pertama tanaman itu iaitu pada Januari hingga April lalu.

Menurutnya, masalah itu semakin ketara apabila memasuki peringkat kedua tanaman yang diusahakan di luar musim apabila kebanyakan pokok yang ditanam tidak berbuah dan mati.

"Kita sedar terdapat serangan kutu trip ini sejak musim pertama tanaman pada Januari lalu namun ketika itu kerosakan tanaman tidak begitu ketara.

"Apabila kita tanam untuk musim kedua atau digelar tanaman di luar musim, serangan serangga ini menjadi serius dan banyak pokok yang telah mati," katanya ketika ditemui pemberita di sini baru-baru ini.

Nik Muhamad Saifullah memberitahu, kerosakan ketara mungkin berlaku disebabkan telur atau larva serangga yang ditinggalkan di kawasan kebun berkenaan telah mula menetas dan membiak.

"Ketika ini dianggarkan kira-kira 30 peratus daripada pokok tembikai yang ditanam di tanah seluas tujuh hektar telah terjejas dan mati.

"Disebabkan itu, saya terpaksa membuang tanaman yang rosak kerana kita khuatir ia akan merebak ke kawasan yang

lebih luas," ujarnya.

Menurut Nik Muhamad Saifullah, sebanyak RM10,000 hingga RM20,000 diperuntukkan bagi satu hektar tanaman tembikai.

Sementara itu, seorang lagi pekebun, Wan Basiron Wan Bakar, 52, berkata, kehadiran serangga perosak itu menyebabkan pekebun terpaksa menambah modal untuk membeli racun di samping perlu memperuntukkan wang untuk membeli benih dan baja.

"Buat masa ini saya terpaksa mengeluarkan belanja untuk membeli racun serangga sebagai langkah pencegahan bagi menyelamatkan pokok-pokok yang masih belum dijangkiti," katanya.



Wan Basiron menunjukkan pokok tembikai yang mula mati akibat diserang kutu trip di TKPM Rhu Tapai di Setiu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2024	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Gabung tiga negeri jadi Jelapang Padi Selatan



SERI NEGERI 9 Julai – Cadangan mewujudkan Jelapang Padi Selatan menggabungkan tiga negeri akan dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) pada tahun hadapan.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, gabungan itu bakal

membabitkan Negeri Sembilan, Melaka serta Johor.

Jelas beliau, ketiga-tiga negeri berkenaan tidak dikategorikan sebagai kawasan jelapang padi, berikutan itu KPKM tidak dapat menyalurkan peruntukan.

“Antara untuk menjadi kawasan jelapang padi adalah keluasan sawah sekurang-kurangnya antara 3,000 hingga 5,000 hektar, tetapi di Melaka kita hanya ada 1,000 hektar sahaja.

“Jadi kita telah berbincang dengan exco pertanian Johor dan Negeri Sembilan untuk bergabung bersama dan usahakan cadangan ini,” katanya pada sidang media selepas Persidangan Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Melaka Ke-15, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Muhamad Akmal berkata antara perkara lain perlu dilakukan untuk merealisasikan inisiatif itu adalah menggazetkan kawasan sawah padi sedia.

“Selepas kawasan sawah padi digazetkan, tidak akan ada lagi projek pembangunan atau perumahan dilaksanakan di kawasan tersebut,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2024	THE SUN	ONLINE	

Melaka terima RM43.5 juta bina Infrastruktur Pengairan dan Saliran



fotoBERNAMA

MELAKA: Melaka menerima peruntukan berjumlah RM43.5 juta daripada kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan Projek Membina Infrastruktur Pengairan dan Saliran serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan di Skim Pengairan Bukit Rambai, Tangga Batu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Dr Muhamad Akmal Saleh berkata peruntukan itu diterima dengan tambahan RM12 juta daripada kos asal yang diluluskan Kementerian Ekonomi pada Mac lepas secara geran Persekutuan melalui Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP).

“Projek ini sememangnya sangat dinantikan rakyat di negeri ini terutamanya pengusaha sawah yang berkaitan kerana ia dirancang pelaksanaannya sejak 2012, namun tertangguh dan dimulakan semula pada 2019.

“Kerajaan negeri dimaklumkan proses pengambilan balik tanah sedang berjalan dan pelaksanaan projek dijangka bermula pada 2025 dan siap pada 2027 sebelum dapat digunakan sepenuhnya pada 2028,” katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri di sini hari ini.

Dr Muhamad Akmal menjawab soalan Datuk Lim Ban Hong (BN-Kelebang) yang ingin tahu status permohonan pembinaan pam air di beberapa lokasi kawasan sawah di DUN Kelebang sementara menunggu pelaksanaan sistem pengairan secara keseluruhan.

Dr Muhamad Akmal berkata berikutan kawasan sekitar Bukit Rambai tidak mempunyai sistem pengairan dan saliran lengkap kerana terletak di luar kawasan jelapang padi, kerajaan negeri sedang dalam proses mendapatkan peruntukan berlainan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebagai projek infrastruktur sokongan.

“Sekiranya projek sokongan ini tidak dilaksanakan, sebahagian besar daripada kawasan skim ini akan terus berhadapan dengan krisis sumber air yang kian meruncing dari hari ke hari dan kerajaan negeri berharap agar peruntukan tersebut dapat dipertimbang untuk diluluskan.

“Sistem saluran tali air sedia ada dari rumah pam menggunakan paip jenis High-Density Polyethylene (HDPE) 300 milimeter (mm) hanya meliputi kawasan pertanian di Kampung Stulang Daeng dan Kampung Bukit Rambai menyebabkan kawasan lain seperti Kampung Pinang, Kampung Bukit Kechil dan Kampung Gedung Lalang mengalami kesukaran mendapatkan sumber air pertanaan menjadikan kawasan tersebut sebagai ‘water stressed area’,” katanya.